

**PELAWAAN UNTUK CADANGAN (RFP)  
MEREKA BENTUK, MENYEDIA, MENGURUS DAN MENJUAL CENDERAMATA RASMI JUBLI EMAS  
SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN UKM**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mempelawa syarikat pembida yang berwibawa dan berpengalaman untuk hadir ke taklimat Pelawaan untuk Cadangan (RFP) seperti berikut:

<b>No. RFP</b>	UKM.KZN.400-5/1/32		
<b>Tajuk RFP</b>	Mereka Bentuk, Menyedia, Mengurus dan Menjual Cenderamata Rasmi Jubli Emas Sempena Sambutan 50 Tahun UKM		
<b>Butiran</b>	<b>Taklimat</b>	<b>Pembelian Dokumen RFP</b>	<b>Penghantaran Kertas Cadangan</b>
	<p><b>Tarikh:</b> 1 Julai 2020</p> <p><b>Masa:</b> 2.30 petang</p> <p><b>Alamat:</b> Bilik Majlis, Aras 5, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor</p>	<p><b>Tarikh pembelian dokumen:</b> 1 – 7 Julai 2020</p> <p><b>Masa:</b> 8.30 pagi – 4.30 petang</p> <p><b>Alamat:</b> Khazanah-UKM, Aras 4, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor</p>	<p><b>Tarikh akhir penghantaran:</b> 20 Julai 2020</p> <p><b>Masa:</b> Sebelum atau pada jam 2.00 petang</p> <p><b>Alamat:</b> Khazanah-UKM, Aras 4, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor</p>
<b>Harga Dokumen</b>	RM 350.00 (tidak akan dikembalikan)		

1. Syarikat adalah **diwajibkan menghadiri sesi taklimat** untuk menyertai RFP ini. Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
2. Syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) ketika pembelian dokumen RFP tersebut. Dokumen RFP boleh diperolehi di alamat yang dinyatakan dan dengan bayaran yang ditetapkan hendaklah dibuat secara **Bank Deraf/Kiriman Wang** sahaja di atas nama Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Syarikat yang tersenarai diminta untuk membuat satu pembentangan kepada UKM pada masa yang akan ditentukan kemudian.
4. UKM tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya atau sebarang RFP. UKM juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab penolakan serta tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan oleh syarikat yang mengemukakan RFP.
5. Kertas cadangan yang diterima selepas jam **2.00 petang pada 20 Julai 2020** akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi **En. Khalid Zainudin** di talian **03-8921 5025/018-768 4945**.